

November 7, 2023

# FPHP BULLETIN HOT & TOUR

NEWSLETTER VOL. 2/2023

*"Together, We Make it Great!"*

## FPHP 2023 EVENTS & ACTIVITIES

ACADEMIC TRIP TO UNESCO WORLD  
HERITAGE SITE IN GEORGETOWN, PENANG

Knowledge Transfer on Food and Beverage  
Industry by Mandarin Hotel Doha, Qatar

Kursus Etika di Meja Makan

## 2023 HIGHLIGHTS

### HADRAH 7.0

PERTANDINGAN

'BATTLE OF EMPOWER BARISTA ART'

Afternoon Tea: A Timeless Tradition  
(HTP283- Cafe Service Operation)



Faculty of Hotel & Tourism Management

Universiti Teknologi MARA

Cawangan Pulau Pinang

13500 Permatang Pauh, PENANG

Tel: 04 3823888 Fax: 04 3823861

HOT & TOUR NEWSLETTER

NOV. VOL. 2/2023

<https://anyflip.com/homepage/oistf>

[https://is.gd/fphpnewsletter\\_penanguitm](https://is.gd/fphpnewsletter_penanguitm)

ISSN 2231-7422

## Projek Tempat Perlindungan Kucing Jalanan UiTM Cawangan P. Pinang

Oleh: Hasniza Abdullah & Aida Khalida Mohamed Idris

Ke mana hilangnya sifat belas kasihan dan kasih-sayang manusia terhadap makhluk bernyawa yang lain? Di sebalik penguatkuasaan Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) yang mengenakan hukuman keras termasuk penjara kepada mereka yang didapati bersalah menzalimi haiwan, perbuatan itu dilihat masih berleluasa dengan sebahagiannya dilakukan secara terbuka. Menyedari kebajikan haiwan jalanan di sekitar kampus yang perlu diberi perhatian bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku; saya dan beberapa rakan pencinta haiwan yang lain telah terpanggil untuk mengusahakan suatu projek yang dinamakan Projek Tempat Perlindungan dan Rawatan Kucing Jalanan UiTM CPP. Satu kertas kerja telah disiapkan pada awal Mac yang lepas dan dihantar kepada pihak Rektor untuk mendapatkan kelulusan dan pengesahan projek.



### Events Highlights



Projek ini turut melibatkan sukarelawan dari kalangan pensyarah, staf pentadbiran dan pelajar universiti ini sendiri. Antara objektif projek adalah untuk membentuk masyarakat penyayang yang mempunyai rasa empati terhadap makhluk lain selain manusia, melahirkan para graduan UiTM yang mempunyai sifat kepimpinan yang tinggi, sifat moral dan akhlak yang baik dan berbudi pekerti seiring dengan prinsip nilai UiTM ESI-iDART, membantu dalam pengawalan penyakit yang merebak melalui kucing liar yang dibuang di dalam kampus, dan memberi pendedahan juga pendidikan berkenaan dengan penjagaan haiwan belaan kepada orang ramai, staf, pekerja sementara, dan pelajar.

Projek ini melibatkan penempatan sementara kucing-kucing sekitar kampus yang telah kami kenal pasti, iaitu di sebuah bangunan yang tidak digunakan bertempat tidak jauh dari kolej kediaman Kristal A.

Kelengkapan asas disediakan untuk penempatan semua kucing-kucing dan ini termasuklah 20 unit sangkar kucing yang berjaya kami sediakan hasil dari sumbangan sahabat-sahabat pencinta kucing di kalangan kakitangan universiti. Setakat hari ini, lebih 20 ekor kucing jantan dan betina yang telah dikasi melalui projek yang dijalankan. Setelah dikasi, kucing-kucing ini kami buka untuk ado's. Kebiasaannya, kami mengiklankan kucing-kucing yang memerlukan keluarga baru melalui platform media sosial seperti Facebook. Setiap hari sepanjang kuliah berjalan, ada sukarelawan di kalangan para pelajar ditugaskan di shelter berkenaan bagi menjaga kebajikan kucing-kucing ini.



Faculty of Hotel & Tourism Management  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Pulau Pinang  
Permatang Pau Campus  
13500 Permatang Pau  
PENANG  
Tel:04 3823888/fax:04 3823681

**HOT & TOUR NEWSLETTER**  
**NOV. VOL. 2/2023**

<https://anyflip.com/homepage/oistf>  
[https://is.gd/fphpnewsletter\\_penanguitm](https://is.gd/fphpnewsletter_penanguitm)

Read More On